

Cadangan Zon Akses Bebas di WPI batal

BH 6/4/2007

Oleh Mohd Zin Ali

JOHOR BAHRU: Kerajaan membatalkan cadangan mewujudkan Zon Akses Bebas (FAZ) dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Berikutan keputusan itu, tidak timbul lagi persoalan kononnya wujud satu kawasan yang membolehkan rakyat asing bebas keluar masuk di Selatan Johor tanpa menggunakan sebarang dokumen perjalanan.

Beliau yang juga Pengerusi Bersama Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Irda), berkata urusan keluar masuk di Selatan Johor berjalan seperti biasa dengan kemungkinan proses berkenaan dipermudahkan melalui penggunaan kad pintar.

"Dulu memang ada cadangan mewujudkan FAZ, di mana rakyat asing bebas masuk ke kawasan berkenaan tanpa pasport, tetapi ia tidak akan dilaksanakan kerana tiada keperluan untuk itu dan hal ini tidak membangkit langsung," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Pelaburan dan Perancangan WPI anjuran Pertubuhan Juru Ukur Malaysia (ISM) cawangan Johor dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Irda, Datuk Ikmal Hijaz Hashim dan Pengerusi ISM cawangan Johor, Seow Chin Leng.

Abdul Ghani yakin insentif yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini, mampu menjadikan WPI sebagai pusat pertumbuhan ekonomi utama di rantau ini.

Beliau juga memberi jaminan Bumiputera tidak akan terpinggir, walaupun terdapat pengecualian syarat

pemilikan 30 peratus Bumiputera.

"Syarat itu membabitkan kawasan seluas 1,760 hektar, iaitu kurang satu peratus kawasan WPI," katanya.

Kawasan yang akan digazetkan untuk menikmati pelbagai insentif untuk menarik kemasukan pelaburan asing itu membabitkan dua kawasan, iaitu Kawasan I di Gelang Patah seluas 880 hektar dan Kawasan II di Teluk Danga seluas 800 hektar.

Abdul Ghani menegaskan, WPI bukan projek pembangunan hartanah yang akan memburukkan lagi masalah lebih bekalan rumah kediaman dan unit komersial hingga menyebabkan penurunan harga hartanah di Johor Selatan.

"Sejak pelancaran rasmi WPI lewat tahun lalu dan pengumuman seterusnya mengenai pakej insentif khas menarik pelabur ke wilayah ini, wujud pergerakan menaik yang besar hartanah di Johor Selatan," katanya.

Tahun lalu, rumah kedai di Teluk Danga dijual pada harga RM800,000 seunit tetapi minggu lalu satu unit hartanah dijual kepada seorang pembeli Indonesia pada harga RM1.3 juta.

"Di tempat lain di Johor Bahru, sebuah rumah kedai tiga tingkat standard kini boleh dijual pada harga lebih RM900,000, 25 peratus lebih tinggi daripada harganya 12 bulan lalu," katanya.

FAKTA NOMBOR

Wilayah Pembangunan Iskandar

RM47b

Kos pembangunan hingga 2010

RM335b

Tambahan antara 2010-2025